JABATAN PENGAJIAN TINGGI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

# GARIS PANDUAN SKIM GERAN PENYELIDIKAN FUNDAMENTAL (FRGS)

## (PINDAAN 2/2014)

BAHAGIAN PERANCANGAN KECEMERLANGAN IPT
JABATAN PENGAJIAN TINGGI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
ARAS 7, NO.2, MENARA 2
JALAN P5/6, PRESINT 5
62200 PUTRAJAYA.
No. Tel: 03-8870 6972 / 6974
No. Faks: 03-8870 6867

## KANDUNGAN


Visi dan Misi Penyelidikan Fundamental 3

**BAHAGIAN 1 (PERMOHONAN)** 4

1.1 Falsafah Skim Geran Penyelidikan Fundamental 4
1.2 Definisi Skim Geran Penyelidikan Fundamental 4
1.3 Tujuan Skim Geran Penyelidikan Fundamental 4
1.4 Kluster Penyelidikan 4
1.5 Syarat-syarat Permohonan 5
1.6 Peraturan Permohonan 6
1.7 Kriteria Penilaian 7
1.8 Peraturan Kewangan 7
1.9 Hasil Penyelidikan 10
1.10 Pengumuman Tarikh Buka dan Tutup Permohonan 11

**BAHAGIAN 2 (PENILAIAN)** 11

2.1 Penilaian Skim Geran Penyelidikan Fundamental 11

**BAHAGIAN 3 (PEMANTAUAN)** 12

3.1 Implementasi Projek 12
3.2 Pengawalan Projek 12

**BAHAGIAN 4 (KEPUTUSAN)** 14

4.1 Pemberitahuan Keputusan dan Pengagihan Peruntukan 14

**BAHAGIAN 5 (LAIN-LAIN)** 14

5.1 Ketua Projek tidak lagi bertugas di IPT yang diperakukan 14

**BAHAGIAN 6 (PERANAN)** 15

6.1 Jabatan Pengajian Tinggi 15
6.2 Penyelidik 15
6.3 Pusat Pengurusan Penyelidikan 15
6.4 Jawatankuasa Penilaian 15

# VISI DAN MISI PENYELIDIKAN FUNDAMENTAL

## Visi

Penyelidikan fundamental yang berdaya saing untuk transformasi ilmu dan kecemerlangan negara

## Misi

Membudaya, memperkasa dan melestarikan kapasiti penyelidikan berimpak tinggi bagi menjana ilmu yang mampu menyumbang terhadap perkembangan modal insan, peningkatan tahap intelektual, penciptaan teknologi baru dan penyuburan peradaban yang dinamik.

# BAHAGIAN 1

# PERMOHONAN

## 1.1 Falsafah Skim Geran Penyelidikan Fundamental

Sebagai sebuah negara yang beraspirasi untuk menjadi negara maju, Malaysia perlu menyuburkan budaya penyelidikan. Untuk ini sebuah dana khusus diperlukan. Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) dapat menggalakkan penyelidikan asas untuk menjana ilmu yang mampu menyumbang terhadap peningkatan tahap intelektual, penciptaan teknologi baru dan penyuburan budaya yang dinamik selaras dengan aspirasi negara.

## 1.2 Definisi Skim Geran Penyelidikan Fundamental

Penyelidikan Fundamental merupakan penyelidikan asas yang boleh menghasilkan teori, konsep dan idea baru demi perkembangan ilmu.

## 1.3 Tujuan Skim Geran Penyelidikan Fundamental

Penyelidikan ini bertujuan untuk melonjakkan penjanaan teori, konsep dan idea baru yang dapat menjadi pemangkin kepada penemuan baru yang menerobos sempadan ilmu dan penciptaan inovatif.

## 1.4 Kluster Penyelidikan

Pembiayaan geran FRGS meliputi kluster asas yang dapat menyokong agenda strategik negara. Kluster yang dikenalpasti adalah:-

A. Sains Tulen (*Pure Science*)
B. Sains Gunaan (*Applied Science*)
C. Teknologi dan Kejuruteraan (*Technology and Engineering*)
D. Sains Kesihatan dan Klinikal (*Clinical and Health Sciences*)
E. Sains Sosial (*Social Sciences*)
F. Sastera dan Sastera Ikhtisas (*Arts and Applied Arts*)
G. Sains Tabii dan Warisan Negara (*Natural Sciences and National Heritage*)
H. Teknologi Maklumat dan Komunikasi *(Information and Communication Technology)*

## 1.5 Syarat-Syarat Permohonan

Geran ini terbuka kepada kakitangan akademik Institusi Pengajian Tinggi (rujuk Lampiran) dengan syarat-syarat berikut:-

1.5.1 Warganegara Malaysia; dan

1.5.2 Kakitangan akademik tetap (Profesor, Profesor Madya, Pensyarah Kanan, Pensyarah); dimestikan mempunyai satu (1) penyelidik bersama bertaraf tetap dari institusi yang sama; atau

1.5.3 Kakitangan bertaraf kontrak, dimestikan mempunyai dua (2) penyelidik bersama bertaraf tetap dari institusi yang sama.

1.5.4 Bagi bukan warganegara, dimestikan mempunyai dua (2) penyelidik bersama warganegara Malaysia dan bertaraf tetap dari institusi yang sama.

1.5.5 Penyelidikan dan penghasilan modal insan mestilah dilakukan dalam negara.

1.5.6 Pemohon hanya dibenarkan menjadi ketua penyelidik bagi satu projek dan hanya satu permohonan projek sahaja akan diperakukan pada setiap fasa.

1.5.7 Permohonan baru bagi mereka yang telah diluluskan Geran Penyelidikan Fundamental pada fasa yang terdahulu akan diberi pertimbangan dengan mengemukakan bukti tahap selesai projek pada kadar 75 peratus (75%).

1.5.8 Jumlah peruntukan yang dipohon hendaklah tidak melebihi siling yang telah ditetapkan.

1.5.9 Setiap projek penyelidikan yang dipohon diharap dapat melahirkan modal insan dalam penyelidikan seperti mana yang termaktub dalam PSPTN. Sehubungan dengan itu, bagi:-

(i) Projek tiga (3) tahun:-
- disyaratkan dapat melatih sekurang-kurangnya seorang (1) pelajar Ph.D atau dua (2) orang pelajar Sarjana atau gabungan keduanya.

(ii) Projek dua (2) tahun:-
- disyaratkan dapat melatih sekurang-kurangnya seorang (1) pelajar Sarjana.

1.5.10 Pensyarah yang bercuti belajar tidak dibenarkan menjadi ketua penyelidik. Walau bagaimanapun, beliau boleh menjadi ahli dalam kumpulan penyelidikan.

1.5.11 Ketua penyelidik yang berpindah universiti hendaklah melepaskan kedudukan sebagai ketua. Walau bagaimanapun, beliau boleh kekal sebagai ahli dalam kumpulan penyelidikan berkenaan.

1.5.12 Permohonan dari Jabatan Pengajian Politeknik (JPP), Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) dan Institusi Penyelidikan di bawah Kementerian yang tersenarai (rujuk Lampiran) perlu mengikut syarat-syarat berikut:-

1.5.12.1 Bagi permohonan dari Institusi Penyelidikan, dimestikan Pegawai Penyelidik/*Research Scientist* bertaraf tetap.

1.5.12.2 Bagi permohonan dari JPP dan IPGM, dimestikan kakitangan akademik bertaraf tetap.

1.5.12.3 JPP, IPGM dan Institusi Penyelidikan hendaklah mengadakan kolaborasi dengan IPTA bagi projek penyelidikan yang dicadangkan.

## 1.6 Peraturan Permohonan

1.6.1 Permohonan untuk Skim Geran Penyelidikan Fundamental perlu menggunakan **Borang FRGS - A1(R)** melalui sistem atas talian (Borang Permohonan Skim Geran Penyelidikan Fundamental) yang terkini dari Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia.

1.6.2 Permohonan untuk Skim Geran Penyelidikan Fundamental dibuka kepada projek penyelidikan yang menepati kluster (perenggan 1.4) dan syarat (perenggan 1.5) di atas.

1.6.3 Semua permohonan hendaklah dinilai dan diperakukan oleh Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) universiti masing-masing. Laporan penilaian hendaklah dikemukakan kepada pihak Urus Setia FRGS, JPT bersama-sama borang permohonan tersebut. Hanya permohonan yang disokong oleh pihak RMC sahaja yang perlu dihantar ke JPT.

1.6.4 Bagi projek penyelidikan yang dibiayai oleh geran FRGS dan sumber lain, penyelidik mestilah mengisytiharkan semua pembiayaan yang diperolehi bagi projek tersebut.

## 1.7 Kriteria Penilaian

1.7.1 Penyelidikan yang dipohon mestilah merupakan penyelidikan yang dapat menghasilkan suatu idea/teori/konsep/kaedah/model/proses baru; dan

1.7.2 Penyelidikan yang dapat menambahbaik sesuatu polisi, metodologi dan model penyelesaian yang sedia ada; atau

1.7.3 Penyelidikan yang merangkumi isu-isu kemanusiaan dan kemasyarakatan bagi tujuan peningkatan nilai kehidupan dalam negara dan sejagat; atau

1.7.4 Penyelidikan yang berpotensi untuk menyumbang kepada agenda strategik negara.

## 1.8 Peraturan Kewangan

1.8.1 **Vot 11000**
<u>Upah dan Elaun untuk Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA)</u>

1.8.1.1 Upah dan elaun untuk membiayai Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) sahaja. Siling upah dan elaun tidak melebihi RM2300 untuk pelajar Ph.D dan RM1800 untuk pelajar sarjana atau mengikut garis panduan IPT.

1.8.2 **Vot 21000**
<u>Perjalanan dan Pengangkutan</u>

1.8.2.1 Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan dan pengangkutan domestik yang berkaitan dengan projek.

1.8.2.2 Perjalanan ke luar negara (berdasarkan kepada kelulusan Jawatankuasa Penilaian) perlu memenuhi kriteria di bawah:-

a. Perjalanan ke luar negara dibenarkan tertakluk kepada kecukupan geran yang telah dipohon. Hanya ketua penyelidik dan ahli sahaja yang dibenarkan bagi tujuan tersebut. Pembantu penyelidik siswazah hanya dibenarkan untuk mengikuti persidangan, seminar atau bengkel yang berkaitan dengan penyelidikan mereka di dalam negara sahaja.

i. Perjalanan ke luar negara yang dibenarkan ialah yang bertujuan untuk menghadiri persidangan / seminar / bengkel / kolokium untuk membentangkan hasil penyelidikan.

ii. Destinasi perjalanan tersebut mestilah merupakan tempat yang paling sesuai dan ekonomikal dari segi kemudahan, kepakaran dan pemindahan teknologi.

iii. Perjalanan ke luar negara mestilah juga mengikut peraturan IPT masing-masing.

iv. Untuk menghadiri persidangan dan lain-lain aktiviti selain kerja lapangan, sebanyak 20% dari jumlah peruntukan projek dibenarkan.

1.8.2.3 Jumlah perbelanjaan untuk perjalanan tidak boleh melebihi 40% daripada jumlah keseluruhan geran.

**1.8.3 Vot 24000**
Sewaan

Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan.

**1.8.4 Vot 27000**
Bekalan dan Bahan Penyelidikan

Hanya perbelanjaan yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja dibenarkan.

**1.8.5 Vot 28000**
Baik pulih kecil dan ubahsuai

Hanya perbelanjaan untuk baik pulih dan pengubahsuaian yang kecil terhadap bangunan, makmal, peralatan atau lain-lain barang yang berkaitan dengan penyelidikan dibenarkan.

Kos penyelenggaraan peralatan sedia ada semasa projek dilaksanakan adalah dibenarkan. Selepas projek selesai kos penyelenggaraan ini tidak akan ditanggung lagi oleh Geran ini.

**1.8.6 Vot 29000**
Perkhidmatan Ikhtisas

a) Vot ini meliputi lain-lain perkhidmatan termasuk percetakan, hospitaliti, honorarium, perkhidmatan profesional, konsultansi, penggunaan komputer, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan projek penyelidikan.

(Perkhidmatan Khas / Belanja Pakai Habis)

b) Perbelanjaan perkhidmatan khas merangkumi kos menghadiri kursus, program sangkutan jangka pendek (sekali (1) sahaja) untuk mempelajari teknik - teknik khusus yang berkaitan dengan projek penyelidikan. Tempoh yang dibenarkan adalah tidak melebihi tiga (3) bulan. Jumlah perbelanjaan (b) tidak melebihi 5% daripada jumlah keseluruhan geran.

**1.8.7 Vot 35000**

<u>Aksesori dan Peralatan</u>

Hanya pembelian peralatan khas dan aksesori (termasuk meningkatkan keupayaan peralatan sedia ada) yang berkaitan dengan projek penyelidikan berkenaan sahaja dibenarkan. Setiap permohonan mestilah disertakan justifikasi dan sebut harga mengikut pekeliling Perbendaharaan.

Tidak dibenarkan membeli peralatan komunikasi yang tidak berkaitan langsung dengan projek penyelidikan.

Jumlah yang dipohon pula tidak melebihi 40% daripada jumlah keseluruhan geran.

## 1.9 Hasil Penyelidikan

### 1.9.1 Penerbitan

Semua penyelidik hendaklah menghasilkan sekurang-kurangnya dua (2) penerbitan dalam jurnal berindeks.
Penghargaan kepada geran FRGS mestilah dinyatakan dengan jelas dalam setiap penerbitan.

### 1.9.2 Hak Harta Intelek

1.9.2.1 Bagi projek yang dibiayai oleh geran FRGS, penyelidik digalakkan untuk memohon pendaftaran Harta Intelek di dalam negeri dahulu sebelum ke peringkat antarabangsa. Harta Intelek hasil geran FRGS menjadi hak milik bersama Kerajaan Malaysia dan IPT.

1.9.2.2 Pengurusan Harta Intelek adalah menjadi tanggungjawab IPT.

### 1.9.3 Hasil Pengkomersilan

1.9.3.1 Hasil pengkomersilan dari projek penyelidikan yang dibiayai oleh geran FRGS dan sumber lain hendaklah dikongsi

bersama mengikut pecahan pembiayaan geran dan sumbangan dalam bentuk lain bagi projek tersebut.

1.9.3.2 Untuk IPTA, hasil pengkomersilan perlulah diagihkan mengikut Polisi Pengkomersilan sedia ada.

1.9.3.3 Untuk IPTS, perincian hak milik pengkomersilan hendaklah dipersetujui dalam klausa kontrak.

## 1.10 Pengumuman Tarikh Buka dan Tutup Permohonan

### 1.10.1 Tarikh Buka dan Tutup Permohonan

Pihak Kementerian akan memaklumkan tarikh buka dan tutup permohonan Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) melalui surat rasmi kepada IPT.

# BAHAGIAN 2

# PENILAIAN

## 2.1 Penilaian Skim Geran Penyelidikan Fundamental

2.1.1 Permohonan Skim Geran Penyelidikan Fundamental akan dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian mengikut kluster yang telah ditetapkan. Jawatankuasa ini diketuai oleh seorang Pengerusi dan dianggotai oleh beberapa orang Ahli Jawatankuasa yang diiktiraf sebagai pakar dalam kluster masing-masing.

2.1.2 Pengerusi-pengerusi bagi setiap Jawatankuasa akan memperakukan permohonan projek yang telah dinilai kepada Jawatankuasa Induk Skim Geran Penyelidikan Fundamental yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah JPT untuk diluluskan.

2.1.3 Penilaian oleh Jawatankuasa Penilaian adalah berdasarkan kepada syarat, peraturan dan kriteria yang tersebut di atas serta lain-lain Garis Panduan JPT, Kementerian Pendidikan Malaysia.

# BAHAGIAN 3

# PEMANTAUAN

## 3.1 Implementasi Projek

Semua projek yang diluluskan di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental IPT perlu dipantau dari aspek:-

(i) Prestasi projek; dan

(ii) Prestasi kewangan.

## 3.2 Pengawalan Projek

3.2.1 Setiap IPT perlu mengisi dan menghantar kepada Urus Setia FRGS, JPT laporan prestasi dan kewangan projek penyelidikan FRGS yang terdiri daripada:-

(i) **Borang FRGS - P1(R)**

- Laporan Prestasi projek penyelidikan fundamental di bawah Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS);
- untuk diisi oleh setiap penyelidik di IPT; dan
- perlu dihantar kepada pengurusan penyelidikan di IPT masing-masing.

(ii) **Borang FRGS - P2(RMC)**

- Laporan Keseluruhan Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) mengikut Fasa bagi setiap IPT;
- dihantar kepada Urus Setia FRGS, JPT sebelum 15 Februari dan 15 Ogos setiap tahun;
- diisi oleh pengurusan penyelidikan di IPT masing-masing sebanyak satu (1) salinan; dan
- perlu disertakan bersama-sama Borang FRGS-P1(R), FRGS-K1(RMC) dan Laporan Pencapaian.

(iii) **Borang FRGS - K1(RMC)**

- Laporan Kewangan bagi Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) mengikut Fasa bagi setiap IPT;

- diisi oleh pengurusan penyelidikan di IPT masing-masing; dan

- disertakan bersama-sama dengan Borang FRGS-P2(RMC).

(iv) **Laporan Pencapaian**

- Laporan Keseluruhan Pencapaian Projek-Projek Penyelidikan FRGS mengikut Fasa bagi setiap IPT; dan

- diisi oleh pengurusan penyelidikan di IPT masing-masing.

(v) Laporan akhir penyelidikan (berbentuk *hardcopy* dan *softcopy*) perlu dihantar dalam tempoh tiga (3) bulan selepas projek disiapkan dengan menggunakan format JPT yang merangkumi:-
   a) Ringkasan penyelidikan dan penemuan
   b) Laporan Kewangan
   c) Laporan Aset
   d) Hasil (disertakan bahan bukti)
      a. Modal insan (nama individu dan peringkat pengajian)
      b. Penerbitan (dalam jurnal yang diiktiraf)
      c. Harta intelek

3.2.2 Bagi Laporan Prestasi Projek Penyelidikan mengikut *milestone*, bulanan atau suku tahunan adalah terpulang kepada pengurusan penyelidikan di IPT masing-masing dan ia tidak perlu dikemukakan kepada pihak Kementerian melainkan terdapat arahan khusus mengenainya.

3.2.3 Pengurusan, pemantauan dan pelaporan projek adalah dipertanggungjawabkan kepada pusat pengurusan penyelidikan setiap IPT.

3.2.4 Pengurusan aset adalah di bawah tanggungjawab pihak pengurusan penyelidikan setiap IPT. Aset adalah menjadi hak milik bersama Kerajaan Malaysia dan IPT dan sebarang pelupusan aset hendaklah mengikut prosedur yang telah ditetapkan.

## BAHAGIAN 4

## KEPUTUSAN

### 4.1 Pemberitahuan Keputusan dan Pengagihan Peruntukan

4.1.1 Surat kelulusan projek penyelidikan akan disampaikan kepada Naib Canselor IPT dan sesalinan surat kelulusan akan dimajukan kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan IPT.

4.1.2 Pembayaran akan dibuat oleh Kementerian kepada IPT setelah surat kelulusan FRGS dikeluarkan berdasarkan jumlah peruntukan yang diluluskan Jawatankuasa Induk FRGS.

4.1.3 Keputusan Jawatankuasa Induk FRGS adalah muktamad.

## BAHAGIAN 5

## LAIN-LAIN

### Lain - Lain Hal

### 5.1 Ketua Projek tidak lagi bertugas di IPT yang diperakukan

Geran Penyelidikan Fundamental diluluskan dan diperakukan untuk sesebuah IPT. Jika berlaku seperti perenggan 5.1, geran dan harta intelek tersebut masih di bawah kawal selia IPT yang diperakukan.

# BAHAGIAN 6

# PERANAN

## 6.1 PERANAN JABATAN PENGAJIAN TINGGGI (JPT)

- Memaklumkan pelawaan permohonan FRGS kepada IPT.
- Menerima dan memproses permohonan yang dihantar oleh RMC dan dibawa ke sesi penilaian oleh Jawatankuasa Penilaian FRGS.
- Memaklumkan keputusan penilaian kepada IPT.
- Menerima laporan kemajuan dan laporan akhir penyelidikan.

## 6.2 PERANAN PENYELIDIK

- Penyelidik perlu memohon serta memenuhi syarat-syarat permohonan seperti yang telah dikehendaki.
- Penyelidik juga perlu mengemukakan laporan kemajuan penyelidikan setiap 6 bulan sekali dan menghantar laporan akhir kepada RMC.

## 6.3 PERANAN PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN (RMC)

- Menerima, menilai dan memperakui permohonan daripada penyelidik.
- Menghantar permohonan yang diperakukan kepada JPT.
- Memantau prestasi kemajuan penyelidikan setiap 6 bulan serta menerima laporan akhir penyelidikan daripada penyelidik.
- Pihak RMC perlu menyerahkan laporan kemajuan kepada JPT.
- Pihak RMC perlu menghantar laporan akhir kepada JPT.

## 6.4 PERANAN JAWATANKUASA PENILAIAN

- Meneliti dan memperakukan permohonan penyelidikan dalam masa yang ditetapkan.
- Memaklumkan sebab-sebab kegagalan permohonan secara terperinci.
- Menjaga etika dan kerahsiaan permohonan (Akta Kerahsiaan).

**Sebarang pertanyaan/maklumat tambahan boleh diajukan kepada:**

**URUS SETIA FRGS**
**BAHAGIAN PERANCANGAN KECEMERLANGAN IPT**
**JABATAN PENGAJIAN TINGGI**
**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**
**ARAS 7, NO.2, MENARA 2**
**JALAN P5/6, PRESINT 5**
**62200 PUTRAJAYA.**
**NO. TEL: 03-8870 6972 / 6974**
**NO. FAKS: 03-8870 6867**
**EMEL: frgsbpki@moe.gov.my**

Senarai Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) adalah seperti berikut:

| BIL | INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM (IPTA) | KOD RUJUKAN |
|---|---|---|
| 1. | Universiti Malaya | UM |
| 2 | Universiti Sains Malaysia | USM |
| 3 | Universiti Kebangsaan Malaysia | UKM |
| 4 | Universiti Putra Malaysia | UPM |
| 5 | Universiti Teknologi Malaysia | UTM |
| 6 | Universiti Islam Antarabangsa Malaysia | UIAM |
| 7 | Universiti Utara Malaysia | UUM |
| 8 | Universiti Malaysia Sarawak | UNIMAS |
| 9 | Universiti Malaysia Sabah | UMS |
| 10 | Universiti Pendidikan Sultan Idris | UPSI |
| 11 | Universiti Sains Islam Malaysia | USIM |
| 12 | Universiti Teknologi MARA | UITM |
| 13 | Universiti Malaysia Terengganu | UMT |
| 14 | Universiti Tun Hussein Onn Malaysia | UTHM |
| 15 | Universiti Teknikal Malaysia Melaka | UTEM |
| 16 | Universiti Malaysia Pahang | UMP |
| 17 | Universiti Malaysia Perlis | UNIMAP |
| 18 | Universiti Sultan Zainal Abidin | UNISZA |
| 19 | Universiti Malaysia Kelantan | UMK |
| 20 | Universiti Pertahanan Nasional Malaysia | UPNM |

Senarai Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) adalah seperti berikut:

| BIL. | INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI SWASTA (IPTS) | KOD RUJUKAN |
|---|---|---|
| 1 | Multimedia University | MMU |
| 2 | Universiti Tenaga Nasional | UNITEN |
| 3 | Universiti Teknologi Petronas | UTP |
| 4 | UNITAR International University | UNITAR |
| 5 | Universiti Tun Abdul Razak | UNIRAZAK |
| 6 | International Medical University | IMU |
| 7 | Universiti Selangor | UNISEL |
| 8 | Malaysia University of Science and Technology | MUST |
| 9 | Open University Malaysia | OUM |
| 10 | AIMST University | AIMST |
| 11 | Universiti Kuala Lumpur | UNIKL |
| 12 | Universiti Tunku Abdul Rahman | UTAR |
| 13 | Universiti Terbuka Wawasan | WOU |
| 14 | Universiti Antarabangsa Al-Bukhary | AIU |
| 15 | Universiti Teknologi Kreatif Limkokwing | LUCT |
| 16 | Asia e-University | AEU |
| 17 | Al-Madinah International University | MEDIU |
| 18 | International Centre for Education in Islamic Finance | INCEIF |
| 19 | Management and Science University | MSU |
| 20 | Universiti UCSI | UCSI |
| 21 | Quest International University Perak | QUEST |
| 22 | INTI International University | INTI |
| 23 | Taylor’s University | TAYLOR |
| 24 | Manipal International University, Malaysia | MIU |
| 25 | Sunway University | SUNWAY |
| 26 | Perdana University | PERDANA |
| 27 | Malaysian Institute for Supply Chain Innovation | MISI |
| 28 | Universiti HELP | HELP |
| 29 | Raffles University Iskandar | RAFFLE |
| 30 | Asia Pacific University of Technology & Innovation | APU |
| 31 | Universiti SEGi | SEGI |

| BIL. | INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI SWASTA (IPTS) | KOD RUJUKAN |
|---|---|---|
| 32 | Universiti Nilai | NILAI |
| 33 | Binary University of Management & Entrepreneurship | BINARY |
| 34 | Global NXT University | GLOBAL |
| 35 | Universiti Infrastruktur Kuala Lumpur | IUKL |
| 36 | Putra Business School Graduate School of Management | PUTRA |
| 37 | Asia Metropolitan University | AMU |
| 38 | MAHSA University | MAHSA |
| 39 | International University of Malaya Wales | IUMW |
| 40 | University Malaysia of Computer Science and Engineering | UNIMY |
| 41 | Kolej Universiti Teknologi Antarabangsa Twintech | IUCTT |
| 42 | Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor | KUIS |
| 43 | Kolej Universiti Sains Perubatan Cyberjaya | CUCMS |
| 44 | Kolej Universiti Islam INSANIAH | KUIN |
| 45 | Kuala Lumpur Metropolitan University College | KLMUC |
| 46 | Kolej Universiti TATI | TATI |
| 47 | Kolej Universiti Hospitaliti Berjaya | KUHB |
| 48 | Kolej Universiti Sains Kesihatan Masterskills, Kampus Pasir Gudang | MUCH |
| 49 | International University College of Arts & Science | IUCAS |
| 50 | Kolej Universiti Islam Melaka | KUIM |
| 51 | City University College of Science & Technology | CUCST |
| 52 | Kolej Universiti Linton | LINTON |
| 53 | Kolej Universiti KDU | KDU |
| 54 | Allianze University College of Medical Sciences | AUCMS |
| 55 | Kolej Universiti Shahputra | KUSP |
| 56 | Kolej Universiti Lincoln | KUL |
| 57 | KPJ Healthcare University College | KPJ |
| 58 | Kolej Universiti Bestari | KUB |
| 59 | Kolej Universiti Selatan | KUS |
| 60 | Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah | KUISAS |
| 61 | Vinayaka Mission International University College | VMIUC |
| 62 | Kolej Universiti Teknologi Sarawak | KUTS |
| 63 | Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman | TARC |
| 64 | Kolej Universiti Islam Sains dan Teknologi | KUIST |

Senarai Universiti Cawangan adalah seperti berikut:

| BIL | INSTITUSI CAWANGAN | KOD RUJUKAN |
|---|---|---|
| 1 | University of Notthingham in Malaysia | UNIM |
| 2 | Monash University Malaysia | MUSM |
| 3 | Curtin University of Technology Sarawak | CURTIN |
| 4 | Swinburne University of Technology | SWIN |
| 5 | Newcastle University Medicine Malaysia | NUMED |
| 6 | University of Southampton Malaysia Campus | USMC |
| 7 | Heriot-Watt University Malaysia | HWUM |
| 8 | Universiti of Reading Malaysia | READING |

Senarai lain-lain institusi adalah seperti berikut:

| BIL | INSTITUSI LAIN | KOD RUJUKAN |
|---|---|---|
| 1 | Jabatan Pengajian Politeknik | JPP |
| 2 | Institut Pendidikan Guru Malaysia | IPGM |
| 3 | Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi | MOSTI |
| 4 | Kementerian Kewangan Malaysia | MOF |
| 5 | Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani Malaysia | MOA |
| 6 | Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar | NRE |
| 7 | Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi | MPIC |
| 8 | Kementerian Kesihatan Malaysia | MOH |
| 9 | Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri | MITI |